

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat isu-isu pelaksanaan kutipan zakat pendapatan di Aceh. Zakat pendapatan itu sendiri bermaksud pengenaan zakat ke atas pendapatan yang berbentuk penggajian ataupun dalam bentuk pendapatan ahli profesional/bebas. Pendapatan dalam bentuk gaji merupakan upah atau pendapatan yang diperolehi kerana membuat sesuatu kerja kepada pihak lain seperti kerajaan, swasta dan orang perseorangan. Sedangkan Pendapatan profesional/bebas merupakan pendapatan seseorang melalui sesuatu kerja atau usaha kepakaran atau perkhidmatan yang dikerjakan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain. Perbincangan dalam kajian ini melibatkan beberapa isu penting, iaitu penjelasan konsep zakat pendapatan, kesan dari wujud beberapa lembaga zakat yang sama-sama aktif di dalam pengutipan zakat pendapatan, isu perbezaan mekanisme pengutipan dan pengiraan zakat pendapatan oleh lembaga-lembaga zakat, isu kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat pendapatan, isu dualisme undang-undang serta isu-isu dalaman dan luaran lembaga zakat di dalam pentadbiran zakat tersebut. Kajian ini menggunakan metod temu bual, dokumentasi dan pemerhatian untuk mendapatkan data primer manakala data sekunder pula diperolehi daripada literatur-literatur Islam, buku-buku, jurnal, kertas seminar, laman web, tesis dan bahan-bahan rujukan lainnya kemudian dianalisis secara kualitatif terhadap data primer dan metod induktif dan deduktif terhadap data sekunder. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan pendapat dikalangan ulama mengenai konsep zakat pendapatan telah menyebabkan mekanisme pengiraan dan pengutipan zakat tersebut diterapkan tidak seragam di kalangan lembaga zakat kerana perbezaan di dalam menetapkan jumlah nisab dan syarat haul ke atas zakat tersebut.

Kesedaran Masyarakat pula masih kurang disebabkan masyarakat belum memahami sepenuhnya konsep zakat pendapatan dan pendidikan agama yang kurang memberi penekanan kepada perbahasan zakat ini serta faktor pengenaan cukai pendapatan dan zakat secara serentak. Masalah dalaman lembaga-lembaga zakat pula ada beberapa kendala yang dihadapi, iaitu mengenai profesionalisme staf, kelengkapan maklumat data zakat, teknologi yang diguna pakai dan sistem informasi zakat.

ABSTRACT

This study aims to look at implementation issues in the collection of zakat on income in Aceh. Zakat on income itself refers to zakat payable on income form of employment or professional/freelance work. Employment income in the form of a wage or salary refers to income earned for performing a task for another party such as the government, private sector and individuals. Professional/freelance income is an income through work or services provided with your own expertise without having to depend on others. The content in this study involves a number of important issues, namely the explanation of the concept of zakat on income, the effects of the formation of several zakat institutions that are equally active in the collection of zakat, the issue of differences in the mechanism of computing zakat collection by those institutions, the issue of public awareness of the obligation of zakat, legal dualism issues and the internal and external issues in the administration of zakat in the zakat institutions. This study uses interviews, documentation and observation method to obtain primary data, while secondary data is obtained from Islamic literature, books, journals, seminar papers, websites, theses and other reference materials and then analyzed qualitatively for primary data and by inductive and deductive method for secondary data. The results showed that the difference of opinion among scholars about the concept of zakat on income has resulted in a lack of uniformity among the zakat institutions in the collection of zakat and calculation mechanism, due to the difference in setting the amount of nisab and haul. Community awareness is still limited due to lack of understanding on the concept of zakat, religious education providing less emphasis on the issue, and the factor imposition of income tax and zakat simultaneously. Internally, zakat institutions have

also faced a number of obstacles, namely the professionalism of the staff, incomplete data and information on zakat, and limitations in technology usage.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipersembahkan kepada Allah SWT yang telah memberikan petunjuk dan hidayah serta kekuatan dan kesihatan kepada saya sehingga dapat menyelesaikan penulisan disertasi ini. Selawat serta salam juga dipersembahkan kepada Nabi Muhammad SAW yang telah membawa manusia dari alam jahiliah ke alam yang ilmiah seperti yang kita rasakan saat ini. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya selama menjalankan penyelidikan untuk menyelesaikan kajian ini. Bantuan dan pertolongan yang mereka berikan adalah sangat berharga sehingga disertasi ini dapat diselesaikan.

Terima kasih yang tak terhingga disampaikan kepada penyelia, Dr. Patmawati binti Ibrahim atas semua bantuan, bimbingan, sokongan dan arahan yang terus menerus selama proses penyelesaian penulisan disertasi ini. Semua bantuan dan pertolongan serta budi baik yang telah Beliau berikan semoga mendapat balasan dari Allah Yang Maha Kuasa.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Bapak Marthin Desky, Bapak Riyadhhi dan Bapak Rohandi selaku pengurus lembaga-lembaga zakat di Provinsi Aceh kerana mereka telah memberikan banyak maklumat yang sangat berharga bagi penyelesaian penulisan disertasi ini. Bantuan dan sokongan yang telah mereka berikan adalah benar-benar menjadi bahan yang sangat diperlukan dalam kajian ini dan semoga bantuan tersebut dapat menjadi amal kepada mereka. Kepada rakan-rakan saya seperjuangan mahasiswa Aceh di UM iaitu Muhammad Yunus Ahmad, SAg., Azwir, MMLS., Hanafiah AR, MA., Fitriadi. Lc., Azharsyah, Awaluddin, SPdi, MPd., Andriana

Syamaun, Lc. MA., Mukhlis Syarifuddin, SS. MA., juga saya ucapkan terima kasih yang tak terhingga atas sokongan dan semangat yang mereka berikan bagi menyelesaikan disertasi ini. Kemudian juga terima kasih diucapkan kepada Nor Hafizah binti Ibrahim yang telah banyak menggunakan masa untuk membaca dan memperbaiki bahasa Melayu dalam disertasi ini.

Penghargaan khas dipersembahkan kepada keluarga saya: Ayahanda tercinta Syafi'ie Zamzami, Ibunda tercinta Nur'aini NU. Spd. yang tidak henti-hentinya berdoa kepada saya agar dapat menyelesaikan tugas berat ini. Kemudian Abang Muhda Hadi Saputra dan dua Adek tersayang Lia Sautunnida dan Eva Nada Maulida. Tak lupa kepada istri tercinta Cut Misrayana yang tidak henti-hentinya memberi sokongan, doa dan semangat sehingga disertasi ini dapat diselesaikan, terima kasih mereka semuanya semoga Allah merahmati dan memberkati kehidupan mereka semua, kerana kejayaan ini tidak terlepas daripada bantuan dan doa mereka semuanya.

ISI KANDUNGAN

Abstrak	ii
Abstract	iv
Penghargaan	vi
Isi Kandungan	viii
Senarai Kependekan	xi
Panduan transliterasi	xiii

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Permasalahan Kajian	3
1.3. Objektif Kajian	5
1.4. Kepentingan Kajian	6
1.5. Skop Kajian	6
1.6. Metodologi Kajian	8
1.6.1. Pengumpulan Data	8
1.6.2. Analisis Data	9
1.7. Ulasan Kajian Lepas	10
1.7.1. Kajian Pemikiran Dan Konsep Zakat Pendapatan	10
1.7.2. Kajian Pelaksanaan Zakat Pendapatan	16
1.8. Penutup	23

BAB DUA KONSEP ZAKAT PENDAPATAN

2.1. Pendahuluan	25
2.2. Ruang Lingkup Zakat Pendapatan	27
2.2.1 <i>Al-Māl al-Mustafād</i> Sebagai Asas Pandangan	29
2.3. Hukum Zakat Pendapatan: Pandangan Ulama Mazhab	30
2.4. Hukum Zakat Pendapatan: Pandangan Ulama Mutakhir	33
2.5. Dalil Wajib Zakat Pendapatan	36
2.5.1. Dalil al-Qur'an	36
2.5.2. Dalil al-Hadith dan al-Athar	39
2.5.3. Dalil al-Qiyas	41
2.6. Rasional Zakat Pendapatan	45
2.7. Syarat Haul Terhadap Zakat Pendapatan	47
2.8. Nisab Zakat Pendapatan	57
2.8.1. Nisab Dikira Daripada Pendapatan Bersih	60
2.8.2. Penggabungan Pendapatan Untuk Mencapai Nisab	61
2.9. Kadar Zakat Pendapatan	63
2.10. Kesimpulan	67

BAB TIGA

PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PENDAPATAN DI LEMBAGA-LEMBAGA ZAKAT PROVINSI ACEH

3.1. Pengenalan Tentang Provinsi Aceh	72
3.1.1. Jumlah Penduduk Aceh	72
3.2. Lembaga-Lembaga Zakat Di Kota Aceh	73
3.2.1. Baitul Mal Kota Aceh	75
3.2.2. Rumah Zakat Aceh	78
3.2.3. Pos Keadilan Peduli Umat	80
3.3. Kedudukan Lembaga-Lembaga Zakat Dalam Undang-Undang	81
3.4. Zakat Pendapatan di Dalam Undang-Undang dan Fatwa	85
3.4.1. Zakat Pendapatan di Dalam Perundangan Indonesia dan Kanun Aceh	85
3.4.2. Fatwa Zakat Pendapatan	86
3.5. Penerapan Konsep Zakat Pendapatan di Lembaga-lembaga Zakat Aceh	87
3.5.1. Penerapan Konsep Haul Zakat Pendapatan	88
3.5.2. Penerapan Konsep Nisab dan Kadar Zakat Pendapatan	91
3.5.3. Asas 94 Gram Emas Sebagai Nisab Zakat	93
3.6. Mekanisme Pengutipan Zakat Pendapatan	95
3.6.1. Zakat Dikutip Dari Pendapatan Kasar	95
3.6.2. Mekanisme Pengutipan Zakat Pendapatan Di Baitul Mal	97
3.6.3. Mekanisme Pengutipan Zakat Pendapatan Di Rumah Zakat Aceh Dan Pos Keadilan Peduli Umat	99
3.7. Kesimpulan	100

BAB EMPAT

ISU-ISU PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT PENDAPATAN.

4.1. Pendahuluan	102
4.2. Isu-isu Dalam Lembaga Zakat	103
4.2.1. Profesionalisme Pengelola Zakat	103
4.2.2. Isu Kelengkapan Maklumat Data Zakat	106
4.2.3. Isu Penguasaan Teknologi yang Digunapakai	108
4.2.4. Sistem Informasi Zakat	110
4.3. Isu-isu Luaran Lembaga Zakat	112
4.3.1. Khilafiyah Konsep Zakat Pendapatan	112
4.3.2. Kurang Pemahaman dan Kesedaran Masyarakat	113
4.3.3. Sikap Kurang Percaya Terhadap Lembaga Zakat Dan Kebiasaan Tradisional	117
4.3.4. Wujud Beberapa Lembaga Zakat di Dalam Satu Kawasan	118
4.3.5. Kurang Optimal Pelaksanaan Rebet Cukai Pendapatan	119
4.3.6. Kurang Optimalisasi Sumber Zakat Pendapatan	120
4.3.7. Tiada Tolakan Perbelanjaan asas Sebelum Zakat Pendapatan di Keluarkan	121

4.4. Kesimpulan	122
-----------------	-----

BAB LIMA RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1. Rumusan	127
5.2. Cadangan	130
5.3. Kesimpulan	132

BIBLIOGRAFI

SENARAI KEPENDEKAN

BAZDA	: Badan Amil Zakat Daerah
BAZIS	: Badan Amil Zakat Infaq dan Shadaqah
BAZNAS	: Badan Amil Zakat Nasional
BHA	: Badan Harta Agama
BPHA	: Badan Penertiban Harta Agama
BPS	: Badan Pusat Statistik
BUMD	: Badan Usaha Milik Daerah
BUMN	: Badan Usaha Milik Negara
DPRA	: Dewan Perwakilan Rakyat
DPRK	: Dewan Perwakilan Rakyat Kabupaten
DSUQ	: Dompot Sosial Ummul Qura
LAZ	: Lembaga Amil Zakat
MoU	: Memorandum of Understanding
MPU	: Majelis Permusyawaratan Ulama
NAD	: Nanggroe Aceh Darussalam
NGO	: Non Government Organisation
ORMAS	: Organisasi Masyarakat
OTSUS	: Autonomi Khusus
PA	: Pemerintahan Aceh
PAD	: Pendapatan Asli Daerah
PERDA	: Peraturan Daerah

PKPU	: Pos Keadilan Peduli Umat
PNS	: Pegawai Negeri Sipil
POLRI	: Polisi Republik Indonesia
RI	: Republik Indonesia
RZA	: Rumah Zakat Aceh
RZA	: Rumah Zakat Aceh
SAW	: Shallahu ‘alaihi wasallam
SK	: Surat Keputusan
SKP	: Surat Kuasa Pemerintah
SWT	: Subhanahu wata’ala
TNI	: Tentara Negara Indonesia
UPZ	: Unit Pengumpul Zakat
UU	: Undang-Undang
UUPA	: Undang-Undang Pemerintahan Aceh

PANDUAN TRANSLITERASI

I. HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Arab	Transliterasi	Tejemah
ء	'	مؤمن	<i>mu'min</i>	Orang Beriman
ب	B	بصير	<i>Baṣīr</i>	Maha melihat
ت	T	تكليف	<i>Taklīf</i>	Paksaan
ث	Th	ثقافة	<i>Thaqāfah</i>	Peradaban
ج	J	جماعة	<i>Jamā'ah</i>	Kumpulan
ح	ḥ	حالف	<i>ḥālif</i>	Orang yang bersumpah
خ	Kh	خالق	<i>Khāliq</i>	Yang menciptakan
د	D	دار	<i>Dār</i>	Rumah
ذ	Dh	الذين	<i>Alladhīna</i>	Orang ramai
ر	R	رائس	<i>rāis</i>	Pimpinan
ز	Z	زينب	<i>zainab</i>	Zainab
س	S	سلام	<i>salām</i>	Selamat
ش	sh/sy	شكر	<i>shakara</i> <i>/syarī'ah</i>	Bersyukur
ص	ṣ	صادق	<i>ṣādiq</i>	Orang yang jujur
ض	ḍ	ضارب	<i>ḍārib</i>	Orang yang memukul

ط	t	طالب	<i>tālib</i>	Pelajar
ظ	z	ظالم	<i>zālim</i>	Orang yang zalim
ع	'	عادل	<i>'ādil</i>	Orang yang adil
غ	Gh	غاضب	<i>ghāḍib</i>	Orang yang marah
ف	F	فريحة	<i>farīḥah</i>	Perempuan yang bahagia
ق	Q	قارأ	<i>qāri'</i>	Orang yang membaca
ك	K	كاشف	<i>kāshif</i>	Orang yang mukāsyafah
ل	L	لاعب	<i>lā'ib</i>	Orang yang bermain
م	M	مانع	<i>māni'</i>	Orang yang mentegah
ن	N	نائم	<i>nāim</i>	Orang yang tidur
و	W	واضح	<i>wāḍiḥ</i>	Jelas
ه	H	هالك	<i>hālik</i>	Rusak
ي	Y	يابس	<i>yābis</i>	Kering

II. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Araf	Transliterasi	Terjemah
اَ	a	فَرِحَ	<i>Fariha</i>	Bahagia
اِ	i	فَعِلَ	<i>fa'ila</i>	Bekerja
اُ	u	قُلِبَ	<i>Quliba</i>	Dibalik

III. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Araf	Transliterasi	Terjemah
آ/أ	ā	هذا والهدى	<i>Hādhā wa al-hudā</i>	Inidanpetunjuk
ي	ī	تجديد	<i>Tajdīd</i>	Pembaharuan
و	ū	القلوب	<i>al-Qulūb</i>	Hati

IV. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Araf	Transliterasi	Terjemah
او	aw	قول	<i>Qawl</i>	Perkataan
وي	Ay	كيف	<i>Kayfa</i>	Bagaimana
ي	Iy	الإنونيسي	<i>al-Indonīsiy</i>	Orang Indonesia
ي	uw	الغلّو	<i>al-ghuluw</i>	Berlebihan

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1.Pengenalan

Yusuf al-Qaradāwī mengistilahkan zakat pendapatan dengan zakat *al-māl al mustafād* iaitu zakat yang bersumberkan gaji dan pendapatan profesional. Maka ianya termasuklah segala jenis hasil pendapatan atau pulangan sebagai bayaran perkhidmatan yang berbentuk gaji, upah, bonus, dividen, hasil sewaan, royalti, hibah, elaun, honorarium, pampasan, pencen dan lain-lain bentuk perolehan. Perbezaan pendapat masih wujud di kalangan ulama semasa berkaitan hukum zakat pendapatan di antara yang mewajibkannya dan yang tidak. Mereka yang mewajibkannya pula berbeza pandangan mengenai syarat haul, nisab dan kadar terhadap zakat tersebut. Kepelbagaian pandangan ini telah menyebabkan ketidakseragaman pelaksanaan kutipan zakat pendapatan di lembaga-lembaga zakat di Aceh. Terdapat lembaga zakat yang mengambil kira haul dalam pengutipan zakat pendapatan maka dengan demikian pengutipan zakat akan dilakukan secara tahunan, manakala terdapat juga lembaga zakat yang tidak mengambil kira haul maka pengutipannya dilakukan secara bulanan. Begitu juga perbezaan di dalam penetapan nisab zakat tersebut, sebahagian lembaga zakat menetapkan 85 gram emas sementara yang lain menetapkan 94 gram emas. Keadaan ini telah menyebabkan jumlah wang yang mesti dikeluarkan zakat berbeza-beza di kalangan lembaga zakat walaupun berada pada tempat yang sama. Di samping permasalahan di atas, terdapat banyak lagi isu-isu lain mengenai konsep zakat pendapatan yang diterima pakai, kesan dari wujud beberapa lembaga zakat yang sama-sama aktif di dalam pengutipan zakat pendapatan, isu perbezaan mekanisme pengutipan dan pengiraan zakat

pendapatan di lembaga-lembaga zakat, isu kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat pendapatan, isu dualisme undang-undang serta isu-isu dalaman dan luaran lembaga zakat.

Di Aceh terdapat beberapa lembaga zakat, namun dalam kajian ini akan difokuskan pada tiga lembaga zakat yang paling aktif bergerak dalam pengurusan zakat. Ketiga lembaga zakat tersebut adalah Baitul Mal sebagai lembaga zakat rasmi pemerintah, Rumah Zakat Aceh (RZA) dan Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU). Kesemua lembaga zakat ini telah melaksanakan zakat pendapatan dan bergerak di dalam pengutipan dan pengagihannya, namun kurang terjalin hubungan di kalangan lembaga-lembaga zakat tersebut yang bersifat koordinatif, konsultatif dan informatif. Tidak wujud hubungan ini telah berpeluang terjadinya perebutan lahan pengutipan zakat pendapatan dan penindihan penyaluran zakat pada asnaf yang sama dan juga permasalahan lain akibat tidak ada keselarasan dalam pengurusan zakat antara ketiga-tiga lembaga zakat tersebut.

Berdasarkan permasalahan di atas, kajian ini ingin menerangkan bagaimana pelaksanaan kutipan zakat pendapatan itu dijalankan oleh ketiga-tiga lembaga zakat yang merangkumi konsep haul, nisab dan kadar zakat pendapatan yang diterima pakai, mekanisme pengutipan, kaedah pengiraan, kesan daripada pelaksanaan kutipan zakat pendapatan yang dijalankan oleh beberapa lembaga zakat yang tidak terkoordinasi dengan baik, dualisme undang-undang dan pelbagai permasalahan dalaman dan luaran lembaga zakat itu sendiri.

1.2. Permasalahan Kajian

Ada tiga perkara asas yang telah menyebabkan pelbagai isu pengutipan zakat pendapatan di Aceh, pertama adalah perbezaan pandangan di kalangan ulama berkaitan dengan konsep zakat pendapatan, yang merangkumi konsep haul, kadar dan nisab zakat pendapatan. Yang kedua berkaitan dengan pengurusan zakat yang di tadbir oleh beberapa lembaga zakat dan yang terakhir ialah dualisme undang-undang di dalam pengelolaan zakat, iaitu undang-undang Republik Indonesia (RI) No. 23 tahun 2011 tentang pengelolaan zakat dan kanun No. 10 tahun 2007 tentang Baitul Mal.

Perbezaan pandangan di kalangan ulama berkaitan konsep haul, nisab dan kadar zakat pendapatan telah menyebabkan mekanisme pengiraan dan pengutipan zakat pendapatan juga berbeza di kalangan lembaga-lembaga zakat. Sebagai contoh, dalam penetapan nisab zakat pendapatan, terdapat lembaga zakat yang menetapkan 94 gram emas manakala lembaga zakat yang lain menetapkan 85 gram emas. Lembaga zakat yang menetapkan 94 gram emas akan menyelaraskan dengan jumlah wang tertentu yang mesti dikeluarkan zakat, Jumlah wang ini akan berbeza dengan lembaga zakat yang menentukan nisab 85 gram emas. Hal ini telah mengelirukan masyarakat di dalam menentukan apakah gaji mereka telah mencapai nisab ataupun sebaliknya. Terdapat juga perbezaan antara lembaga zakat dalam hal pengiktirafan syarat haul zakat pendapatan. Bagi yang mengiktiraf haul maka pengutipannya adalah secara tahunan sementara yang tidak mengiktiraf haul maka pengutipannya dilakukan secara bulanan. Perbezaan-perbezaan ini telah menimbulkan kepelbagaian mekanisme

pengutipan zakat pendapatan walaupun lembaga-lembaga zakat terbabit terletak dalam satu kawasan pentadbiran yang sama.

Kewujudan dua undang-undang di dalam pengelolaan zakat menjadi isu lain dalam kajian ini, seperti yang telah dibincangkan di atas, bukan hanya satu lembaga yang mengelola zakat di kota Aceh bahkan terdapat beberapa lembaga yang sama-sama aktif di dalam pengutipan dan pengagihan zakat. Namun secara garis besarnya dapat kita bahagikan menjadi dua iaitu lembaga zakat rasmi pemerintah dan lembaga zakat swasta. Yang akan dibincangkan di sini adalah bagaimanakah kedudukan lembaga-lembaga zakat tersebut di dalam perundangan zakat. Apakah undang-undang membenarkan keberadaan multi-lembaga itu di satu tempat dengan memberikan kebebasan di dalam pengutipan dan pengagihannya, atau terdapat peraturan-peraturan tertentu yang mesti dipatuhi oleh setiap lembaga. Juga apakah undang-undang ini memberikan batasan dan ruang lingkup kerja kepada setiap lembaga supaya tidak terjadi tumpang tindih di dalam pengutipan dan pengagihan zakat. Kemudian adakah suatu bentuk koordinasi dan hubungan di antara lembaga-lembaga ini termuat dalam undang-undang.

Oleh yang demikian, permasalahan-permasalahan yang akan diuraikan dalam kajian ini dapat disimpulkan sebagai berikut:

1. Bagaimanakah konsep haul, kadar dan nisab zakat pendapatan diterapkan oleh lembaga-lembaga zakat di Aceh?
2. Bagaimanakah mekanisme pelaksanaan pengutipan dan pengiraan zakat pendapatan dijalankan di lembaga-lembaga zakat Aceh?

3. Apakah isu-isu yang terdapat di dalam pelaksanaan kutipan zakat pendapatan di Aceh?

1.3. Objektif Kajian

Objektif Umum

Menganalisis permasalahan pelaksanaan zakat pendapatan secara umum untuk mewujudkan suatu pengelolaan zakat yang profesional dan bersepadu dikalangan lembaga-lembaga zakat di Aceh.

Objektif Khusus

1. Menganalisis konsep zakat pendapatan, yang merangkumi ruang lingkup, syarat haul, nisab dan kadar zakat tersebut mengikut pandangan para ulama muktabar dalam fikah zakat.
2. Menganalisis mekanisme pelaksanaan kutipan zakat pendapatan oleh lembaga-lembaga zakat di Aceh.
3. Menganalisis kaedah pengiraan zakat pendapatan yang digunakan oleh lembaga-lembaga zakat di Aceh.
4. Menganalisis isu-isu pelaksanaan kutipan zakat pendapatan di Aceh.

1.4. Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk membincangkan isu-isu di dalam pengutipan zakat pendapatan di Aceh. Diharapkan setelah perbincangan tersebut dapat membina suatu cadangan yang efektif dalam menangani pelbagai isu tersebut. Secara khususnya, kajian ini berkepentingan untuk mencadangkan agar pihak yang bertanggung jawab terhadap pengurusan zakat menerapkan konsep zakat pendapatan dalam bentuk seragam di semua lembaga zakat yang merangkumi nisab, kadar dan syarat haul ke atas zakat pendapatan. Hal ini mengingat kesan negatif dan kebingungan masyarakat akibat dari perbezaan penerapan konsep tersebut di antara satu lembaga zakat dengan lembaga lain.

Di samping itu juga kajian ini dijalankan untuk melihat sisi positif dan negatif daripada kewujudan beberapa lembaga zakat di dalam pentadbiran zakat pendapatan. Kajian ini akan menjelaskan kenapa suatu bentuk koordinasi di antara lembaga-lembaga zakat merupakan suatu kemestian demi mewujudkan pengutipan zakat pendapatan yang efektif dan mudah bahagi masyarakat.

1.5. Skop Kajian

Kajian ini dilakukan di provinsi Aceh, Indonesia. Objek kajian ini adalah lembaga-lembaga zakat yang berada di sana. Terdapat dua bentuk lembaga zakat di Aceh, iaitu lembaga zakat rasmi pemerintah dan lembaga zakat swasta. Lembaga zakat rasmi pemerintah hanya satu iaitu BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah), yang

di Aceh dinamakan dengan Baitul Mal. Adapun lembaga zakat swasta adalah lembaga zakat yang ditubuhkan oleh sebuah yayasan ataupun ORMAS (organisasi kemasyarakatan) dengan persetujuan daripada suatu kementerian samada menteri urusan agama ataupun menteri sosial. Saat ini, terdapat beberapa lembaga zakat swasta di Aceh, yaitu lembaga zakat Usman bin Affan, Dompot Dhu'afa, Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU) dan Rumah Zakat Aceh (RZA). Namun dalam kajian ini akan difokuskan kepada tiga lembaga zakat sahaja, iaitu Baitul Mal selaku lembaga zakat rasmi pemerintah, Pos Keadilan Peduli Umat (PKPU) dan Rumah Zakat Aceh (RZA) dari kalangan lembaga zakat swasta. Pemilihan tiga lembaga zakat ini kerana lembaga-lembaga zakat tersebut paling aktif di dalam pengutipan dan penyaluran zakat di Aceh selama ini, sementara lembaga zakat Dompot Dhuafa lebih terfokus kepada penyaluran zakat di Aceh dalam bentuk program-program tertentu berbanding pengutipannya di Aceh. Adapun lembaga zakat Usman bin Affan adalah lembaga zakat kecil yang hanya terfokus pengutipan dan penyalurannya dikawasan Banda Aceh. Oleh sebab itu kedua lembaga zakat terakhir tidak dimasukkan dalam skop kajian ini.

Pemilihan Provinsi Aceh sebagai tempat kajian kerana di Aceh pada saat ini terdapat dua undang-undang di dalam pengurusan zakat. iaitu undang-undang Republik Indonesia (RI) Nomor 23 tahun 2011, dan kanun No. 10 tahun 2007 mengenai Baitul Mal. Hal inilah yang membezakan Provinsi Aceh dengan daerah-daerah lain di Indonesia. Sehingga kewujudan dualisme undang-undang ini telah menyebabkan beberapa permasalahan di dalam pengutipan zakat pendapatan.

1.6. Metodologi Kajian

1.6.1. Pengumpulan Data

Pengumpulan data terdiri daripada pengumpulan data primer dan sekunder. Pengumpulan data primer dilakukan dengan cara temu bual dan pemerhatian. Temu bual yang dimaksudkan adalah dengan menemubual individu-individu tertentu yang berotoriti di lembaga-lembaga zakat. Terhadap lembaga zakat Baitul Mal kami telah menemubual pengerusi lembaga zakat tersebut iaitu Bapak Drs. H. Marthin Desky sementara terhadap lembaga zakat Pos keadilan Peduli Umat dan Rumah Zakat Aceh temu bual telah dilakukan dengan pengurus besar masing-masing lembaga zakat tersebut iaitu Bapak Rohandi dan Bapak Riyadhhi. Ianya bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan zakat pendapatan yang merangkumi konsep yang diterima pakai, mekanisme pengutipan, kaedah pengiraan dan isu-isu yang kerap terjadi di dalam pengutipan zakat pendapatan. Ada dua jenis temu bual yang telah dilakukan terhadap responden iaitu temu bual secara berstruktur yang bermaksud menemubual dengan merancang soalan-soalan secara teliti yang selaras dengan objektif kajian dan temu bual bebas, iaitu temu bual tanpa rancangan namun masih berkaitan dengan objektif kajian. Pemerhatian pula bermaksud memperhatikan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan pelaksanaan zakat pendapatan secara mendalam dan langsung di tempat penelitian, iaitu lembaga-lembaga zakat di Aceh, tujuan pemerhatian ini untuk mendapatkan fakta tepat dan terkini terkait dengan permasalahan kajian. Untuk mendapatkan data primer juga, metod dokumentasi juga diguna pakai dalam kajian ini, ia bermaksud mencari data yang terkait dengan tajuk kajian yang berupa data-data pengutipan zakat sepanjang tahun di

semua lembaga zakat, hasil-hasil keputusan fatwa MPU dan undang-undang yang berkaitan dengan pengelolaan zakat pendapatan di Aceh.

Sementara pengumpulan data sekunder diperolehi daripada literatur-literatur Islam, khususnya untuk mengambil data berkaitan dengan konsep zakat pendapatan. Di samping itu juga buku-buku, jurnal, kertas seminar, laman web, tesis dan bahan-bahan rujukan lainnya juga dirujuk khususnya untuk mendapatkan data yang membincangkan pelbagai pandangan dan isu semasa berkaitan pentadbiran zakat pendapatan.

1.6.2. Analisis Data

Oleh kerana kajian ini berbentuk tinjauan, maka terhadap data primer yang dikumpulkan secara temu bual, dokumentasi dan pemerhatian akan dianalisis secara kualitatif, iaitu dengan menyusun jawapan-jawapan yang didapati melalui temu bual secara sistematik yang kemudian mengesan corak tertentu tentang jawapan-jawapan tersebut, kemudian jawapan-jawapan yang berdekatan dijadikan sebagai panduan bahagi analisis data. Manakala untuk data sekunder akan digunakan metod induktif dan deduktif. Kedua metod ini digunapakai untuk membincangkan teori dan dalil-dalil yang menjadi prinsip zakat pendapatan yang didapatkan dari bahan-bahan bacaan. Metod induktif adalah suatu proses pengambilan kesimpulan dari sesuatu yang bersifat khusus ke sesuatu yang bersifat umum, sementara sebaliknya metod deduktif adalah proses pengambilan kesimpulan dari suatu pernyataan yang bersifat umum ke sesuatu pernyataan yang bersifat khusus. Kedua metod ini digunakan untuk

mengambil kesimpulan dari pelbagai bahan bacaan dan penulis berkaitan konsep zakat pendapatan, sama ada yang berbahasa Arab ataupun bahasa Melayu.

1.7. Ulasan Kajian Lepas

Kajian terhadap zakat pendapatan secara umum telah dilakukan oleh banyak pengkaji samada pada dataran pemikiran, konsep dan bahkan bagaimana aplikasinya dapat diterapkan di suatu tempat dengan berkesan. Sebelum melakukan kajian ini lebih mendalam, pengkaji telah pun meninjau kepada kajian lepas untuk melihat maklumat-maklumat terbaharu berkenaan dengan zakat pendapatan. Di samping itu juga untuk memastikan tidak terjadinya suatu kajian yang telah di kaji oleh pengkaji lain. Kajian-kajian yang telah dilakukan tersebut memiliki tumpuan penelitian yang berbeza-beza, jika di bahagikan maka beberapa tumpuan yang berbeza seperti lokasi kajian, masa kajian dan materi yang di kaji.

Dalam melihat kajian lepas, pengkaji membahagikan kepada dua bahagian. Bahagian kajian pemikiran dan konsep zakat pendapatan serta kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan pengutipan zakat pendapatan di suatu tempat.

1.7.1. Kajian pemikiran dan konsep zakat pendapatan

Kajian pemikiran, konsep dan perbezaan pandangan para ulama mengenai zakat pendapatan dapat kita lihat dalam persoalan harta perolehan (*al-māl al-mustafād*) yang telah dibincangkan oleh Yusuf Qaradāwī dalam bukunya yang sangat

populer yang bertajuk *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li ahkāmihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Beliau menjadikan konsep *al-māl al-mustafād* ini sebagai asas kepada zakat pendapatan. Sayid Sabiq dalam bukunya yang bertajuk *Fiqh al-sunnah*, Wahbah Zuhaylī dalam bukunya yang bertajuk *Fiqh Islāmi wa Adillatuhu*, Muhammad Sulaiman Asqar, Muhammad Naim Yasin, Muhammad Usman Syabir dan Umar Sulaiman Asqar dalam buku mereka yang bertajuk *Abhāṭh Fiqhiyyah fī Qadhāyā al-Zakāh al-Mu'āsharah*. Kesemua kajian ini sangat berguna bahagi kajian kami dalam melihat pemikiran dan konsep zakat pendapatan.

Di Malaysia, kajian mengenai zakat pendapatan telah dibincangkan oleh banyak pengkaji, di antaranya:

Kajian yang dilakukan oleh Mahmood Zuhdi Ab. Majid dengan tajuk: “Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional dari Perspektif Mazhab Syafi’i: Satu Penyesuaian semula”.¹ Dalam kajian ini pengkaji ingin menunjukkan bahawa pemahaman semula dengan mendalam terhadap manhaj fiqh Syafi’i di dalam perbahasan zakat pendapatan, maka akan ada celah keatas penganan zakat terhadap pendapatan, di mana dalam fiqh syafi’i adanya zakat terhadap mata wang dan ini boleh dianalogikan ke zakat pendapatan kerana pada amnya pendapatan diterima dalam bentuk mata wang. Kajian ini memberikan indikasi atas kewajaran penganan zakat keatas pendapatan dalam bentuk penggajian atau pendapatan ahli profesional. Perbincangan dalam kajian ini hanya pada dataran hukum zakat pendapatan, oleh sebab itu ianya tidak membincangkan berkaitan konsep haul, kadar dan nisab zakat pendapatan yang mesti dijalankan. Begitu juga kajian

¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, “Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional dari Perspektif Mazhab Syafi’i: Satu Penyesuaian semula,” *Jurnal Syariah* 1, no.2 (1993), 287-298.

ini tidak menjelaskan bagaimana sepatutnya zakat pendapatan diaplikasikan oleh sesebuah lembaga zakat. Namun demikian, kajian ini penting bahagi kajian kami kerana di Aceh masih banyak kalangan yang masih menafikan kewujudan zakat pendapatan sementara kebanyakan mereka bermazhabkan mazhab syafi'i.

Kajian yang ditulis oleh pengkaji yang sama iaitu Mahmood Zuhdi Ab. Majid yang bertajuk: "Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional".² Dalam kajian ini pengkaji juga masih membincangkan pada tahap hukum kewajipan zakat pendapatan, namun pengkaji lebih menfokuskan kepada penghujjahan kewajipan zakat tersebut. apakah ianya sabit dengan nas al-Qur'an dan Hadith ataupun dengan kaedah yang lain, kesimpulannya menyatakan bahawa kewajipan zakat pendapatan di samping ada nas al-Qur'an dan Hadits yang dapat dijadikan landasan hukum namun ia mesti di sokong dengan alasan *mashlahah* iaitu kemaslahatan. Di mana *mashlahah* merupakan salah satu kaedah pembinaan hukum Islam. Kajian ini berguna bahagi kajian kami untuk menjelaskan bahawa *mashlahah* juga merupakan pendorong atas kewajipan zakat pendapatan kerana di kalangan mereka yang menafikan kewajipan zakat ini di Aceh terlepas pandang dari menjadikan *mashlahah* ini sebagai kaedah di dalam pembinaan hukum Islam.

Kajian yang dilakukan oleh Mahmood Zuhdi Ab. Majid dengan tajuk "Syarat haul: satu penilaian terhadap pandangan al-Qaraḍāwī dalam masalah zakat gaji dan

² Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional," *Jurnal Syariah*, 1, no.1 (1993), 32-41.

pendapatan profesional”.³ Kajian ini menfokuskan pada perlunya tinjauan kembali terhadap pendapat Yusuf al-Qaradāwī mengenai syarat haul dalam pelaksanaan zakat pendapatan. Yusuf al-Qaradāwī menyatakan tidak perlu kepada syarat haul pada zakat pendapatan, namun pengkaji berpendapat sebaliknya. Kajian ini berguna bahagi kajian kami untuk melihat konsep zakat pendapatan yang sebenar dan juga untuk memperhatikan pelbagai pandangan dan hujjah ulama mengenai syarat haul terhadap zakat pendapatan. Semua kajian yang dilakukan oleh Mahmood Zuhdi Ab.Majid berkaitan zakat pendapatan masih pada tahap hukum dan konsep zakat pendapatan dan tidak membincangkan sama sekali bagaimana penerapan zakat tersebut di suatu tempat.

Kajian yang dilakukan oleh Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid yang bertajuk “Sumber Zakat: Perluasan Terhadap Harta yang *diikhtilaf*”.⁴ Isu utama yang dikaji adalah mengenakan zakat kepada sumber lain selain sumber yang telah disepakati oleh para ulama seperti zakat binatang ternak yang meliputi unta, lembu dan kambing, zakat tanaman, zakat emas, perak dan galian. Hal ini mengingat banyak sumber lain yang apabila ditinjau dari objektif penerapan zakat atau dalam istilah ilmu usul fiqh dikenal dengan *i'llah* maka banyak sumber lain yang dapat dikenakan zakat, termasuklah pendapatan. Dengan demikian, kajian ini menunjukkan bahawa setelah ditinjau dari objektif penerapan zakat dan *i'llah* maka penerapan zakat keatas pendapatan merupakan suatu yang sangat wajar untuk diterapkan. Kajian ini juga masih

³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, “Syarat Haul: Satu Penilaian terhadap Pandangan al-Qaradāwī Dalam Masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional,” *Medium*, no.2 (1992), 1-12.

⁴ Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, “Sumbar Zakat: Perluasan terhadap harta yang *diikhtilaf*,” *Jurnal Syariah*, 13, no. 1 (2005), 135-162.

⁴ Mohd Saharuddin bin Shakrani dan Arifin bin Md. Salleh, “*Kesan Zakat Pendapatan Keatas Kecendrungan Mengguna Marginal Umat Islam Di Melaka*,” (Bukti Data Keratin Rentas Kolokium Penyelidikan Ke IV, Unit Penyelidikan Dan Perundingan University Teknologi Mara, Melaka. 7 Mac 2002).

pada tahap pemikiran dan belum lagi membahas bagaimana aplikasi dan penerapan konsep-konsep zakat pendapatan itu dijalankan dengan efektif disuatu lembaga zakat. Walaupun demikian, kajian ini sangat diperlukan untuk melihat ruang lingkup kepada sumber-sumber baharu dari harta yang boleh dikenakan zakat, sehingga dapat memberikan dalil penghujjahan yang tepat terhadap kewajipan zakat pendapatan.

Kajian yang dilakukan oleh Azman Ab. Rahman yang bertajuk “Zakat Harta Mustafad Dalam Kontek Semasa Serta Sumbangannya Terhadap Memartabatkan Kecemerlangan Ummah”.⁵ Kajian ini membincangkan mengenai peranan daripada zakat pendapatan dalam menciptakan kecemerlangan ekonomi umat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan zakat pendapatan dengan pentadbiran dan kesedaran para muzakki yang baik dapat mewujudkan jaminan sosial yang baik pula bahagi umat Islam. Oleh itu pengkaji mencadangkan adanya usaha-usaha dari pihak yang berkenan dalam menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat pendapatan memandangkan banyak masyarakat Islam yang tidak memahami dan mengambil berat berkenaan zakat ini. Kajian seperti ini penting bahagi kajian kami untuk mengetahui aspek-aspek apa sahaja yang telah menjadikan zakat pendapatan berperanan baik di dalam perekonomian masyarakat dan dapat memartabatkan kecermelangan ummah.

Kajian yang dilakukan oleh Kamaruddin Abdullah yang bertajuk “Model Pungutan Zakat: Kajian Perbandingan di Nanggroe Aceh Darussalam dan Selangor

⁵ Azman Ab Rahman , “Zakat Harta Mustafad Dalam Konteks Semasa Serta Sumbangannya Terhadap Memartabatkan Kecemerlangan Ummah,” (Kertas kerja pada Prosiding Seminar Kebangsaan pengurusan harta dalam Islam pada 8-9 Ogos 2006).

Darul Ehsan”.⁶ Yang menjadi inti perbincangan dalam kajian ini adalah bagaimana mengetahui perbandingan model pungutian zakat di lembaga-lembaga di Aceh-Indonesia dan Selangor Darul Ehsan-Malaysia. Kajian ini sangat membantu untuk melihat bagaimana mekanisme pungutian zakat pendapatan yang dilaksanakan di lembaga-lembaga zakat di Aceh dan apa sahaja permasalahan yang terjadi di dalam pungutian tersebut.

Kajian yang dibuat oleh Monzer Kahf yang bertajuk “Zakat: Unresolved Issues in the Contemporary Fiqh”.⁷ Kajian ini membahas mengenai perlunya terhadap tajdid di dalam fiqh zakat terhadap harta-harta yang dikenakan zakat, di mana pada saat ini adanya jenis harta-harta baru yang produktif yang tidak ada bentuknya pada zaman Rasulullah SAW yang boleh dikenakan zakat. Kajian ini hanya memberi indikasi terhadap mustahaknya pengenaan zakat terhadap pendapatan dan gaji namun tidak membicarakan secara terperinci bagaimana pelaksanaan terhadap zakat tersebut, terutamanya mencakup sistem nisab, syarat haul dan sistem pengiraan. Kepentingan kajian ini terhadap kajian yang dilakukan adalah untuk melihat bagaimana ijtihad sangat diperlukan di dalam mengukuhkan konsep zakat pendapatan.

⁶ Kamaruddin Abdullah, “ Model Pungutan Zakat: Kajian Perbandingan di Nanggroe Aceh Darussalam dan Selangor Darul Ehsan” (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005).

⁷ Monzer Kahf, “Zakat: Unresolved Issues in the Contemporary Fiqh,” *Journal of Islamic Economics* 2, no.1(1989), 1-22.

⁷ Mujaini bin Tarimin, “Sistem Zakat al-Māl al-Mustafād dalam Syariah Islam: Satu Kajian Kes Pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,” (Disertasi Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995).

1.7.2. Kajian Pelaksanaan Zakat Pendapatan

Kajian yang dilakukan oleh Mujaini Tarimin dengan tajuk “Sistem Zakat *al-Māl al-Mustafād* dalam Syariah Islam: Satu Kajian Kes Pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur”.⁸ Kajian ini membincangkan kedudukan zakat *al-māl al-mustafād* dalam perspektif Islam dan bagaimana zakat tersebut diaplikasikan oleh lembaga zakat wilayah persekutuan. Kajian ini sangat berguna bahagi kajian kami dalam melihat bagaimana sistem pelaksanaan zakat pendapatan yang efektif di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sehingga dapat menjadikan suatu perbandingan dengan apa yang telah dijalankan di lembaga-lembaga zakat di Aceh selama ini. Namun tentu tidak sama, kerana keadaan sosio-ekonomi yang berbeza di antara Aceh dan Malaysia, namun kajian ini dapat menjadi perbandingan awal dan mencari kerangka yang betul di dalam menjayakan pelaksanaan zakat pendapatan.

Kajian yang dilakukan oleh Damanhur yang bertajuk: “Kesan Pelaksanaan Cukai Pendapatan dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Membayar Zakat Pendapatan di Aceh”.⁹ Isu yang dibincangkan dalam kajian ini adalah mengkaji mengenai bagaimana kesan pelaksanaan cukai pendapatan dan penguatkuasaan zakat terhadap kepatuhan membayar zakat pendapatan, dan selanjutnya bagaimana sikap masyarakat terhadap pelaksanaan cukai dan penguatkuasaan zakat di Aceh. Kesimpulannya dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan cukai dan zakat pendapatan

⁸ Mujaini Tarimin, “Sistem Zakat *al-Māl al-Mustafād* dalam Syariah Islam: Satu Kajian Kes Pelaksanaannya di Wilayah Persekutuan,” (tesis Phd Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995).

⁹ Damanhur, “Kesan Pelaksanaan Cukai Pendapatan dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Membayar Zakat Pendapatan di Aceh,” (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).

secara serentak dapat mempengaruhi kesedaran masyarakat terhadap kewajipan zakat pendapatan di Aceh. Oleh sebab itu perlunya rebet cukai bahagi sesiapa yang telah mengeluarkan zakat pendapatan. Kajian ini berguna bahagi kajian kami dalam melihat tingkat kesedaran masyarakat terhadap zakat pendapatan, kerana di Aceh selama ini belum efektif berjalan rebet cukai bahagi sesiapa yang mengeluarkan zakat pendapatan. Dan hal ini merupakan salah satu isu pelaksanaan zakat pendapatan di Aceh yang akan kami bincangkan dalam kajian ini.

Kertas kerja yang ditulis oleh Mujaini Bin Tarimin dengan tajuk: “Pelaksanaan Zakat Pendapatan dan Permasalahannya”.¹⁰ Dalam kertas kerja ini isu yang diangkat oleh penulis adalah berkenaan dengan permasalahan pelaksanaan zakat pendapatan, permasalahan tersebut merangkumi hukum pelaksanaan yang masih dalam *khilāfiyah* kemudian yang menjadi asas kepada perakaunan zakat pendapatan samada konsep nisab, haul dan kadar zakat pendapatan. Hasil dari kajian ini dapat disimpulkan bahawa *khilafiyah* hukum zakat pendapatan berikutan konsep zakat tersebut yang merangkumi haul, nisab dan kadar telah menjadi masalah di dalam aplikasi zakat tersebut disuatu lembaga zakat, oleh sebab itu perlu kepada cerdik pandai tempatan berijtihad untuk menentukan atau mensekukan konsep tersebut yang tepat untuk dilaksanakan disuatu tempat, tentu dengan mempertimbangkan keadaan sosio-masyarakat dan ekonomi tempatan. Kajian ini sangat berguna bagi kajian kami mengenai pelaksanaan zakat pendapatan di Aceh tidak dikelola oleh satu lembaga zakat sahaja melainkan terdapat beberapa lembaga zakat yang sama-sama aktif menjalankan proses pengutipan dan penyaluran zakat, pelaksanaan konsep zakat pendapatan pula berbeza-beza dikalangan

¹⁰ Mujaini Bin Tarimin, “Pelaksanaan Zakat Pendapatan dan Permasalahannya” (Kertas kerja II, Seminar Pelaksanaan Zakat Pendapatan, Kuala Lumpur, 26/6/2000), 1-15.

mereka dan ini merupakan suatu isu di dalam pelaksanaan zakat pendapatan yang akan dijelaskan lebih mendalam dalam kajian ini.

Kajian yang dilakukan oleh Asmuni Mth. yang bertajuk: “Zakat Profesi Dan Upaya Menuju Kesejahteraan Sosial”.¹¹ Dalam kajian ini pengkaji menjelaskan kesan positif daripada pelaksanaan zakat profesi dalam mewujudkan kesejahteraan bahagi umat. Penulis menekankan bahawa kalau sekiranya zakat pendapatan ini di tadbir dengan baik, serius serta aktif disosialisasikan maka akan menjelma kekuatan baru yang sanggup mengurangi laju kemiskinan. Di awal kajian ini juga menjelaskan beberapa kendala di dalam pelaksanaan zakat pendapatan, di antaranya adalah pengaruh fiqih tempatan yang menafikan kewujudan zakat pendapatan dengan alasan zakat ini tidak wujud pada zaman Rasulullah SAW. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa perlunya usaha yang bersungguh-sungguh dari semua kalangan sama ada pemerintah ataupun masyarakat di dalam memperkasakan pelaksanaan zakat pendapatan. Pemerintah perlu serius dan masyarakat mestilah sedar akan kewajipan zakat pendapatan ini. Dan sosialisasi mestilah ditingkatkan dari masa ke semasa, ijtihadpun diperlukan untuk mengukuhkan konsep zakat mengingat ibadah zakat berkait dengan kemaslahatan ummat sehingga objektif zakat yang dapat mengurangi kemiskinan dan objektif-objektif lain daripada kewajipan zakat dapat terealisasikan dengan baik. Kajian ini berguna bahagi kajian kami untuk melihat bagaimana peranan zakat pendapatan dapat memberikan kecermelangan bahagi ekonomi masyarakat dan juga untuk melihat bagaimana pengaruh fiqih tempatan terhadap pelaksanaan zakat pendapatan yang mana

¹¹ Asmuni Mth., “ Zakat Profesi dan Upaya Menuju Kesejahteraan Sosial”, *Jurnal Ekonomi Islam La Riba*. 1, no. 1, (2007).

hal ini menjadi salah satu isu di dalam pelaksanaan zakat pendapatan yang akan dibincangkan dalam kajian yang dilakukan nanti.

Kajian yang dilakukan oleh Faridah yang bertajuk: “Persepsi Kyai Pondok Pesantren Terhadap Zakat Profesi”.¹² Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pandangan di kalangan kyai pondok pesantren terhadap kewajipan zakat pendapatan di antara yang mewajibkannya dan yang tidak, Adapun faktor-faktor penyebab perbezaan pendapat diantara para kyai adalah sebagai berikut: *Pertama*, undang-undang belum membincangkan secara terperinci tentang zakat pendapatan sehingga sebagian mereka menganggap zakat pendapatan hanya dalam bentuk wacana atau perbincangan biasa yang tidak ada kewajiban yang mengingkat bagi seseorang untuk mengeluarkan zakat tersebut. *Kedua*, tidak terdapat dalil, *nash* dan pendapat ulama’ klasik yang membahas secara khusus berkaitan zakat pendapatan, sehingga terjadi perbezaan pendapat dalam mengambil landasan hukum zakat tersebut. *Ketiga*, sukar bahagi mereka dalam menentukan *qiyas* zakat pendapatan apakah ianya masuk pada zakat emas dan perak, perdagangan ataupun lain sebagainya. Kajian ini sangat penting bahagi kajian yang dijalankan untuk melihat faktor-faktor penyebab kenapa dikalangan ulama pondok di Aceh menfatwakan bahawa tiada kewajiban zakat ke atas pendapatan.

Kajian yang dilakukan oleh Yulius Dharma yang bertajuk: “Potensi dan Realiasi Zakat Profesi Pegawai Negeri Sipil di Pemerintahan Kabupaten Aceh Utara:

¹² Faridah, “Persepsi Kyai Pondok Pesantren Terhadap Zakat Profesi,” *Jurnal hukum dan Syariah, Juridictie 2*, no. 1 (june 2011), 150-159.

Studi Kasus Badan Baitul Mal Kabupaten Aceh Utara”.¹³ Objek kajian ini melibatkan Baitul Mal cawangan Aceh Utara dan pegawai kerajaan dibawah pemerintahan Kabupaten Aceh Utara, atau dalam istilah Indonesia disebut pegawai negeri sipil yang disingkat dengan PNS. Kajian ini ingin melihat potensi muzakki zakat pendapatan dari kalangan PNS dan bagaimana realisasi zakat tersebut oleh Baitul Mal serta aspek apa-apa sahaja yang mempengaruhi keberhasilan pelaksanaan zakat pendapatan disana. dan Hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa setelah dilihat dari aspek gender, lokasi tempat tinggal, status perkahwinan, jumlah pendapatan dan umur maka aspek-aspek tersebut telah mempengaruhi kesedaran PNS di dalam membayar zakat pendapatan dan hasilnya menunjukkan peluang PNS untuk tidak membayar zakat pendapatan ke Baitul Mal lebih besar berbanding PNS yang membayarkannya. Perbezaan yang sangat ketara diantara PNS yang mengeluarkan zakat ke Baitul Mal dan yang tidak mengeluarkannya terletak pada tingkat pengetahuan agama, memadai sosialisasi zakat pendapatan kepada mereka, dan pengetahuan mengenai pelayanan, kualiti pengurusan dan fasiliti-fasiliti yang ditawarkan oleh Baitul Mal. Kajian ini tidak menjelaskan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Baitul cawangan Aceh Utara begitu juga juga tidak menjelaskan isu-isu luaran pelaksanaan zakat pendapatan namun kajian ini penting bahagi kajian kami untuk melihat aspek-aspek yang telah mempengaruhi kesedaran masyarakat khususnya PNS terhadap kewajipan zakat pendapatan.

¹³ Yulius Dharma “Potensi dan Realiasi Zakat Profesi Pegawai Negeri Sipil di Pemerintahan Kabupaten Aceh Utara: Studi Kasus Badan Baitul Mal Kabupaten Aceh Utara,” (Disertasi Master program studi Kajian Timur Tengah dan Islam: Kekhususan Ekonomi dan Keuangan Syariah, Universitas Indonesia, Jakarta 2007).

Selanjutnya adalah kajian yang dilakukan oleh Muhammad Efendi dengan tajuk: “Zakat Profesi Pemikiran Ulil Abshar Abdalla”.¹⁴ Kajian ini ingin menjelaskan bagaimana pemikiran Ulil Abshar Abdulla terhadap zakat Pendapatan.¹⁵ Menurutnya zakat pendapatan merupakan salah satu daripada zakat mal yang diwajibkan. Namun yang menariknya adalah Ulil memisahkan peranan negara atau pemerintah di dalam pengurusan zakat supaya dapat dibezakan yang mana satu kewajipan kenegaraan dan yang mana satu kewajipan agama. Menurutnya juga undang-undang berkaitan zakat pendapatanpun tak perlu dibuat kerana zakat pendapatan itu adalah urusan pribadi manusia dengan tuhan. Adapun kepentingan kajian ini adalah untuk melihat apa alasan tokoh-tokoh yang ingin memisahkan peranan dan kewenangan kerajaan di dalam pengurusan zakat dan bagaimana pandangan para ulama dalam masalah ini. Sehingga nantinya diharapkan lembaga-lembaga zakat di Aceh dapat memainkan peranannya dengan baik tanpa ada keraguan dan hambatan.

Kajian yang dilakukan oleh Endrati Nurwiyani yang bertajuk: “Urgensi Komunikasi Hukum Terhadap pengelolaan Zakat Profesi di Kabupaten Temanggung”.¹⁶ Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tingkat keberhasilan pengelolaan zakat pendapatan di Kabupaten Temanggung, Jawa Tengah-Indonesia dan kaitannya dengan

¹⁴ Muhammad Efendi, “Zakat Profesi Pemikiran Ulil Abshar Abdulla,”. (Kajian yang dilakukan untuk memenuhi Sarjana Srata Satu, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta 2011).

¹⁵Ulil Abshar Abdalla adalah seorang tokoh Islam Liberal di Indonesiayang berafiliasi dengan Jaringan Islam Liberal. Sebenarnya Ulil berasal dari keluarga Nahdlatul Ulama (NU). Beliau merupakan tokoh kontroversial sehingga banyak ulama Indonesia yang menfatwakan kesesatannya kerana dianggap telah menyimpang dari ajaran Islam, Ulil juga banyak menentang fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI).

¹⁶ Endrati Nurwiyani, “Urgensi Komunikasi Hukum Terhadap Pengelolaan Zakat Profesi di Kabupaten Temanggung.” (Disertasi Program Studi: Ilmu Hukum Universitas Diponegoro, Semarang-Indonesia 2009).

kumunikasi hukum,¹⁷ maksudnya adalah bagaimana perananan dari sosialisasi zakat pendapatan dapat menjayakan pengelolaan zakat pendapatan. Maka hasilnya menunjukkan bahawa penerapan hukum komunikasi yang baik, berwibawa, tertip dan dan bertanggung jawab dengan memanfaatkan pelbagai falisiti yang tersedia maka akan sangat menentukan keberhasilan pengelolaan zakat pendapatan. kajian ini penting untuk menyatakan perlunya usaha untuk mempromosi dan mensosialisasikan zakat pendapatan kepada masyarakat luas.

Di samping kajian-kajian di atas, ada beberapa kertas kerja lain yang dapat membantu dalam penyempurnaan penyelidikan ini. di antara kertas kerja tersebut iaitu: Sanep Ahmad Hairunnizam, kertas kerja yang dibentangkan diseminar halatuju zakat korporat di alaf baru, anjuran kumpulan kajian zakat fakulti pengajian Islam UKM pada 7-8 Julai 2004, Kajang, Selangor. Abd Rasyid Dail yang bertajuk “Pengambilan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum Zakat”. Kertas Kerja Konvensyen Zakat Kebangsaan, Putrajaya anjuran secretariat Pusat Zakat Negeri-Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 18-19 September 2001.¹⁸ Kajian Ghafar dan Norazura yang bertajuk “Pemeluasan Kewajiban Berzakat dan Jaminan Sosial dan Desentralisasi Fiskal. Kertas Kerja di Kolukium zakat 1 anjuran IKAZ pada 30 Disember 2003 di Seremban.¹⁹ Kajian Hailani Muji Tahir yang bertajuk “Kedudukan

¹⁷ Yang dimaksud komunikasi hukum disini adalah hukum yang mengatur kebebasan dan tanggung jawab antara manusia dengan proses penyampaian pesan samada secara lansung (tanpa media) atau secara tidak lansung (dengan media cetak mahupun technology elektromagnetik/telekomunikasi).

¹⁸ Abd Rasyid Dail, “Pengambilan Nilai Semasa dan Setempat Dalam Menentukan Hukum Zakat,” (Kertas Kerja Konvensyen Zakat Kebangsaan, Putrajaya anjuran secretariat Pusat Zakat Negeri-Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 18-19 September 2001)

¹⁹ Ghafar dan Norazura, “Pemeluasan Kewajiban Berzakat dan Jaminan Sosial dan Desentralisasi Fiskal,” (Kertas Kerja di Kolukium zakat 1 anjuran IKAZ, Seremban, 30 Disember 2003)

Illah, Nisab, Kadar dan Haul dalam Menjana Sumber Zakat Korporat”.²⁰ Kajian Mujaini dan Fatimah yang bertajuk “Keperluan Ijtihad Dalam Hukum Zakat dan Sadaqah di Malaysia”. Kertas kerja di Seminar Kebangsaan Perananan Harta Sadaqah Dalam Memartabatkan Pembangunan dan Pendidikan Umat. Anjuran Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).²¹ Kesemua kertas seminar di atas telah memberikan banyak informasi baharu dan semasa di dalam perkembangan pengurusan zakat pendapatan. Namun kesemua informasi tersebut masih pada tahap perbincangan kewajipan hukum zakat pendapatan beserta konsepnya dan belum lagi menyentuh bagaimana aplikasi zakat tersebut diterapkan oleh suatu lembaga zakat beserta dengan isu-isunya.

1.8. Penutup

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui isu-isu di dalam pelaksanaan kutipan zakat pendapatan di lembaga-lembaga zakat di Aceh. Untuk itu perlu dijelaskan terlebih dahulu konsep zakat pendapatan, yang merangkumi ruang lingkup, syarat haul, nisab dan kadar zakat tersebut mengikut pandangan para ulama muktabar. Setelah konsep zakat pendapatan diperbincangkan secara mendalam dan tepat maka kajian akan meninjau bagaimanakah konsep tersebut dilaksanakan di lembaga-lembaga zakat.

Terdapat tiga lembaga zakat yang ditinjau dalam kajian ini, iaitu lembaga zakat Baitul Mal, Rumah Zakat Aceh (RZA) cawangan Aceh dan Pos Keadilan Peduli Umat

²⁰Hailani Muji Tahir, “Kedudukan Illah, Nisab, Kadar dan Haul dalam Menjana Sumber Zakat Korporat,” (Kertas kerja di Seminar Kebangsaan Perananan Harta Sadaqah Dalam Memartabatkan Pembangunan dan Pendidikan Umat, 2004).

²¹ Mujaini dan Fatimah, “Keperluan Ijtihad Dalam Hukum Zakat dan Sadaqah di Malaysia,” (Kertas kerja di Seminar Kebangsaan Perananan Harta Sadaqah Dalam Memartabatkan Pembangunan dan Pendidikan Umat. Anjuran Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), 2004).

(PKPU) cawangan Aceh. Ketiga-tiga lembaga zakat ini telah dilihat dari sudut bagaimana mekanisme pengutipan zakat pendapatan yang telah mereka laksanakan selama ini. Untuk mendapatkan maklumat tersebut, beberapa temu bual telah dilakukan dengan para pengurus lembaga-lembaga zakat terbabit. Data dari temu bual ini akan dianalisis dengan metode induktif dan deduktif. Data ini menjadi data primer, sementara data sekunder pula dikumpulkan dari bahan-bahan bacaan berkaitan dengan konsep zakat pendapatan. Di samping itu pemerhatian juga dilakukan terhadap mekanisme pengutipan zakat pendapatan di lembaga-lembaga zakat.

Mengetahui secara pasti isu-isu pelaksanaan kutipan zakat pendapatan ini sangat penting supaya dapat membina suatu cadangan yang efektif dalam menangani pelbagai isu tersebut. Secara khususnya, kajian ini berkepentingan untuk mencadangkan agar pihak yang bertanggung jawab terhadap pengurusan zakat menerapkan konsep zakat pendapatan dalam bentuk seragam di semua lembaga zakat yang merangkumi nisab, kadar dan syarat haul ke atas zakat pendapatan. Hal ini mengingat kesan negatif dan kebingungan masyarakat akibat dari perbezaan penerapan konsep tersebut di antara satu lembaga zakat dengan lembaga lain.

Di samping itu juga kajian ini dijalankan untuk melihat sisi positif dan negatif daripada kewujudan beberapa lembaga zakat di dalam pentadbiran zakat pendapatan. Kajian ini akan menjelaskan kenapa suatu bentuk koordinasi di antara lembaga-lembaga zakat merupakan suatu kemestian demi mewujudkan pengutipan zakat pendapatan yang efektif dan mudah bahagi masyarakat.